

Penyelidik Iseas dan NUS bakal jalankan kajian ke atas pelajar ukhrawi

► **HASLEEN BACHIK**
hasleen@sph.com.sg

PELAJAR dan siswazah bidang ukhrawi di dalam mahupun luar negara bakal menjadi tumpuan sekumpulan penyelidik daripada Iseas-Institut Yusof Ishak dan Universiti Nasional Singapura (NUS) yang berminat memahami cabaran mereka, keprihatinan yang dihadapi, pembangunan kerjaya berserta isu persepsi yang melibatkan mereka.

Projek bertajuk *Siswazah Pengajian Islam Singapura: Peranan dan Kesan Mereka Dalam Masyarakat Majmuk* itu adalah antara 12 projek penyelidikan yang berjaya memperolehi geran Majlis Penyelidikan Sains Sosial daripada 70 permohonan yang diterimanya.

Majlis yang ditubuhkan pada Januari tahun lalu itu bertujuan menggalak penyelidikan sains sosial dan kemanusiaan.

Menyentuh projek tiga tahun yang dijadualkan bermula Ogos ini, Zamil Iseas-Institut Yusof Ishak, Dr Norshahril Saat, berkata: “Asatizah merupakan golongan penting dalam masyarakat. Namun, buat masa ini belum ada kajian menyeluruh tentang golongan tersebut.”

Maka itu, beliau bakal bersatu tenaga dengan Ketua Jabatan Pengajian Melayu NUS, Profesor Madya Noor Aisha Abdul Rahman, dan pensyarah di jabatan yang sama, Dr Azhar Ibrahim, untuk meneroka antara lain latihan ukhrawi dan rangkaian golongan asatizah tersebut.

Kumpulan sasaran ialah pelajar yang sedang menuntut di Mesir, Arab Saudi, Jordan dan Indonesia.

Para pengkaji itu akan turut meneliti secara terperinci siswazah ukhrawi yang kini bertugas di badan berkanun seperti Majlis Ugama Islam Singapura (Muis), dan institusi setempat seperti mahkamah dan madrasah.

Menurut Dr Norshahril, pihaknya “mahu memahami kepelbagaian dalam pemikiran agamawan” dan berharap dapat memperolehi data menyeluruh dan juga dasar bagi pendidikan Islam.

“Kami mahu memahami pengalaman pembelajaran asatizah, apakah cabaran dan mentor mereka. Terdapat juga beberapa salah tanggapan tentang pelajar madrasah yang kami mahu perbetulkan,” ujar Dr Norshahril memberikan contoh ten-



DR NORSHAHIRIL: Ingin memahami sebarang keprihatinan asatizah terhadap pembangunan kerjaya dan pendidikan mereka. – Foto ihsan DR NORSHAHIRIL SAAT

tang kaitan keganasan dengan Islam, teologi dan konservatisme sebagai antara persepsi tersebut.

“Kami berharap projek ini akan dapat membantu penggubal dasar membuat keputusan lebih baik tentang pengajian agama. Kami berharap dapat memahami sebarang keprihatinan asatizah terhadap pembangunan kerjaya dan pendidikan mereka,” tambah beliau.

Sebanyak sembilan projek menerima geran antara \$100,000 dengan \$1 juta itu termasuk yang diterajui Dr Norshahril, Profesor Madya Noor Aisha dan Dr Azhar.

Tiga projek lain pula menerima geran antara \$1 juta dengan \$10 juta.

Geran itu adalah sebahagian daripada usaha bernilai \$350 juta Kementerian Pendidikan (MOE) dari 2016 hingga 2020 untuk merangsang penyelidikan sains sosial.